

Ahli UMNO dinasihati hindarkan budaya duit

MELAKA 18 Ogos — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad petang ini mengingatkan ahli-ahli UMNO supaya jangan mengamalkan budaya duit semasa berlangsungnya pemilihan UMNO di peringkat cawangan, bahagian atau kebangsaan.

Perdana Menteri menegaskan, budaya duit bukanlah sebahagian dari budaya UMNO dan ia mesti dikikis dan ditolak sama sekali daripada menjadi pegangan ahli-ahli UMNO.

Beliau menegaskan, ada sesetengah orang Melayu yang sanggup jadi Si Kital menerima duit untuk berbuat sesuatu yang akan merugikan bangsa, parti dan negara.

Berucap merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO bahagian Kota Melaka yang pertama di Hotel City Bayview di sini, Presiden UMNO itu mengingatkan ahli-ahli UMNO bahawa budaya UMNO sentiasa bersih dari segala bentuk rasuah.

Katanya, ada sesetengah orang diberi

duit oleh orang lain meminta mereka menundinya dan ada berlaku si penerima duit tidak pula mengundi mereka.

Sikap begini, tegas Datuk Sri Dr. Mahathir tidaklah baik dan perlu dikikis dari UMNO.

Mengenai pemilihan UMNO bahagian yang berjalan sekarang, beliau berkata, sebaik-baiknya dielakkan berlakunya pertandingan melainkan sesuatu sebab yang memaksakan pertandingan itu diadakan.

Menurutnya, kita khawatir pertandingan itu boleh menyebabkan UMNO menjadi lemah kerana kita tidak mahu melihat mereka yang kalah tidak lagi sebarisan dengan mereka yang menang.

Sepatutnya, katanya, selepas pertandingan semua pihak hendaklah berganding bahu ke arah menguatkan parti bagi kepentingan bangsa dan negara bukan terpisah sesama sendiri.

Perdana Menteri berkata, itulah sebabnya kalau boleh kita mahu dielakkan pertandingan.
